

## SINOPSIS

Kajian ini adalah satu kajian mengenai salah seorang sahabat Rasulullah (s. a. w.) yang banyak menyumbangkan tenaga dan pengorbanan terhadap Islam terutama dalam bidang periwayatan hadīth. Dalam kajian ini penulis membahagikan kepada empat bab untuk memudahkan perbincangan mengenainya.

Bab pertama penulis melihat kepada kepentingan hadīth / sunnah dalam syariat Islam. Dalam bab ini penulis membincangkan berhubung dengan pengertian hadīth dan sunnah untuk mendapatkan ketetapan sama ada keduanya mempunyai persamaan atau tidak. Penulis juga memetik pendapat ulama berhubung dengannya dan menyentuh secara ringkas period-period perkembangan hadīth. Setelah itu penulis menyentuh berhubung dengan pembahagian hadīth dan jenis-jenisnya serta peranan hadīth dalam syariat Islam.

Bab kedua pula penulis fokuskan kepada peribadi dan kegiatan Zayd Ibn Thābit. Perbincangan penulis adalah meliputi sejarah latarbelakangnya dan kegiatannya serta sumbangannya terhadap agama Islam. Melalui perbincangan ini dapat dilihat beliau adalah seorang tokoh Islam yang unggul.

Dalam bab ketiga penulis mentakhrijkan hadīth-hadīth Zayd yang terdapat di dalam kitab Sunan Sittah dan Muwatta' Imam Malik. Penulis menghuraikan pengertian takhrij serta menghuraikan perkara-perkara yang

berkaitan dengannya termasuklah tujuan takhrīj, faedahnya dan juga ka-  
edah takhrīj dalam penulisan ini.

Bab keempat adalah bab terakhir dalam kajian ini. Penulis mengem-  
ukakan intisari hadīth-hadīth Zayd. Penulis menyusun dan mengklaskan  
hadīthnya mengikut bahagian-bahagian tertentu, iaitu bahagian Akidah,  
Ibadah, Muamalat, Munakahat, Jenayah, Fada'̄il dan Adab. Bahagian akhir  
dalam penulisan ini adalah bahagian penutup. Penulis membuat kesimpulan  
yang membahaskan secara umum mengenai kajian ini. Di samping itu penu-  
lis sertakan beberapa saranan untuk dijadikan penelitian kepada pembaca.

# بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah (s.w.t.) yang memberi taufik dan hidayah kepada penulis sehingga dapat menghasilkan satu kajian ilmiah ini. Ucapan selawat dan salam kepada Nabi Muhammad (s.'a.w.) rasul akhir zaman dan pemimpin umat manusia seluruhnya. Begitu juga kepada para sahabat, tabi' dan tabi'in yang berusaha menegakkan Islam di bumi Allah ini.

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr. Abdul Hayei bin Abdul Sukor selaku penyelia kertas projek kepada penulis. Beliau telah banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada penulis dalam merangka dan menyiapkan kajian ini. Hanya kepada Allah penulis serahkan ganjaran dari jasa baiknya itu kerana penulis tidak mampu memberi ganjaran yang setimpal dengannya.

Ucapan terima kasih juga penulis tujukan kepada kedua ibubapa dan keluarga yang memberi sumbangan dan dorongan dalam masa penulis melakukan kajian ini. Di samping itu jutaan terima kasih kepada pihak Yayasan Pahang yang telah memberi sumbangan kewangan kepada penulis bagi membiayai perbelanjaan sepanjang kajian ini.

Melalui kesempatan ini juga, penulis merakamkan penghargaan kepada

pihak perpustakaan Universiti Malaya, pihak perpustakaan Pusat Islam, pensyarah-pensyarah Akademi Islam yang banyak membantu penulis dalam usaha mencari bahan-bahan rujukan dan kefahaman yang sebenarnya kepada topik yang dibincangkan.

Sekalung penghargaan untuk al-akh Haza yang memberi kerjasama kepada penulis dengan memberi pandangan dan menunjukkan buku-buku yang perlu penulis kaji dan teliti. Ucapan terima kasih yang tak terhingga juga kepada Wan, Ana, Uda, Anim, Aina, Badar dan sahabat-sahabat yang lain kerana kesudian kalian menolong penulis bagi menyiapkan kajian ini.

Penghargaan yang setinggi-tingginya juga penulis rakamkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak secara langsung dengan kajian ini.

Akhirnya, penulis mengharapkan agar kajian ini dapat memberi kebaikan dan manfaat kepada pembaca semua. Penulis tidak nafikan kemungkinan terdapat beberapa kelemahan di dalam penulisan ini. Segala yang baik itu datang dari Allah dan segala kelemahan itu adalah datang dari penulis sendiri.

Habibah Abdul Rahman.

## PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kajian yang bertajuk "Riwayat Hidup Zayd Ibn Thābit al-Anṣāri: Satu Kajian Mengenai Ḥadīth-hadīth Riwayatnya Di Dalam Sunan Sittah" ini akan ditumpukan kepada peribadi Zayd Ibn Thābit dan ḥadīth-hadīthnya di dalam Sunan Sittah.

Permulaan kajian ini akan dikemukakan pengertian al-Ḥadīth dan al-Sunnah untuk mendapatkan perbezaan dan persamaan pengertiannya. Seterusnya dikemukakan pendapat-pendapat ulama yang membicarakan berhubung dengan istilah-istilah dan penggunaan kedua-dua perkataan tersebut. Penghuraian juga diberikan kepada kepentingan al-Ḥadīth / al-Sunnah di dalam syariat Islam. Ia dikemukakan adalah untuk memperlihatkan bahawa kedua-duanya merupakan khazanah peninggalan Rasulullah (s. 'a.w.) yang mesti dijadikan asas panduan hidup umat Islam. Dimasukkan juga di sini period perkembangan ḥadīth bagi mendapat gambaran yang jelas sejarah perkembangan ḥadīth sebelum ia dibukukan.

Begitu juga akan diceritakan mengenai riwayat hidup Zayd Ibn Thābit, dengan mendedahkan latarbelakang keluarga Zayd serta peranannya di zaman Rasulullah (s. 'a.w.) dan zaman selepasnya. Tidak diragukan lagi beliau adalah seorang sahabat yang sentiasa bersama baginda dan banyak mengambil pengajaran darinya.

Selanjutnya kajian ini diteruskan dengan mengemukakan takhrīj ḥadīth Zayd yang terdapat di dalam Sunan Sittah. Kitab Sunan Sittah dijadikan rujukan utama kerana ia adalah kitab yang muktabar selepas kitab al-Qur'ān. Ḥadīth-hadīth Zayd mempunyai jumlah yang besar dan menyentuh berbagai bidang termasuk bidang akidah, ibadat, muamalat dan sebagainya. Bagi mendapatkan ḥadīth-hadīthnya kitab Dhakhā'ir al-Mawāriṭh digunakan sepenuhnya. Kitab ini mempunyai senarai Imam-imam di samping kitab mereka mengikut darjat yang tertinggi tarafnya, dan memudahkan untuk mendapatkan ḥadīth yang diperlukan. Begitu juga penggunaan kitab Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz al-Ḥadīth al-Nabawiy susunan A.J. Wensick, yang digunakan sebagai membantu untuk mencari kedudukan yang tepat bagi ḥadīth-hadīth yang dinyatakan oleh kitab Dhakhā'ir al-Mawāriṭh tersebut.

Kajian ini diakhiri dengan memaparkan intisari ḥadīth-hadīth Zayd yang mengandungi hukum dan ketetapan syarak dalam berbagai bidang. Ḥadīthnya menyentuh berhubung dengan permasalahan yang sering berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam dari dahulu hingga kini. Ini termasuklah dalam bidang sosial, politik, ekonomi dan sebagainya serta melahirkan masyarakat yang sejahtera di dunia dan akhirat.

Kajian ini adalah sebagai langkah untuk mencungkil dan menonjolkan kewibawaan serta peranan para sahabat yang hidup sezaman dengan Nabi Muhammad (s. 'a.w.). Oleh kerana kajian ini adalah kajian perpustakaan,

penumpuan sepenuhnya adalah kepada perpustakaan dan tidak melibatkan temubual dan sebagainya. Buku-buku yang bahasa pengantarnya bahasa Arab merupakan bahan rujukan utama untuk mendapatkan penghuraian yang tepat. Bagi mendapatkan pemahaman yang lebih meyakinkan digunakan buku-buku terjemahan dan kamus yang ditulis dalam bahasa Malaysia. Melalui saranan dan kesimpulan yang diberikan, diharapkan agar dapat membuka pemikiran setiap pembaca bagi melakukan kajian mengenai tokoh para sahabat yang lain.

Habibah binti Abdul Rahman

Fakulti Usuluddin

Akademi Islam

Universiti Malaya.